

# Jumlah pelaburan di MSC meningkat

BH 17 FEB 2000  
Oleh Kadir Dikoh

CYBERJAYA, Jumaat – Usaha menjadikan Malaysia pusat teknologi maklumat (IT) antarabangsa lebih cepat menjadi kenyataan berikutan peningkatan jumlah syarikat melabur dalam Koridor Raya Multimedia (MSC).

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata MSC, yang akan dilengkapi prasarana terbaik untuk kemajuan IT, berupaya memenuhi keperluan syarikat asing yang menempatkan operasi mereka di sini.

Perdana Menteri berkata, MSC mungkin tidak mempunyai Bill Gates, tetapi yang pasti ia mempunyai kemudahan infrastruktur yang baik bagi menyediakan kemudahan kepada syarikat asing membuka operasi di sini.

“Dengan wujudnya Universiti Multimedia (MMU) di sini dan lebih banyak syarikat membuka operasi di Cyberjaya, saya yakin impian kita menjadikan Malaysia sebagai pusat IT terkemuka, menjadi kenyataan.

“Malaysia bernasib baik kerana kita memasuki bi-

“Dengan wujudnya Universiti Multimedia (MMU) di sini dan lebih banyak syarikat membuka operasi di Cyberjaya, saya yakin impian kita menjadikan Malaysia sebagai pusat IT terkemuka, menjadi kenyataan”

– Dr Mahathir Mohamad

dang ini awal-awal lagi dengan penubuhan MSC,” katanya pada pelancaran logo baru AIC Corporation Berhad di Universiti Multimedia (MMU) di sini, hari ini.

AIC adalah syarikat yang terbabit dalam pembuatan cip litar bersepadu.

Perdana Menteri juga, secara maya melancarkan loji semikonduktor kedua AIC di Kulim dan menyaksikan upacara memeterai beberapa memorandum persefahaman (MoU) dengan Universiti Telekom Sdn Bhd menerusi MMU.

Hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang juga Canselor MMU; Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia, Da-

tuk Leo Moggie; Presiden MMU, Prof Ghauth Jasmon dan Pengerusi Eksekutif AIC, Datuk Sarip Hamid.

Dr Mahathir kemudian mengadakan dialog tertutup dengan kira-kira 1,000 pelajar MMU, termasuk dari kampus cawangan Melaka selama lebih sejam.

Beliau berkata, kerajaan akan terus menunjukkan minatnya kepada bidang multimedia kerana pembangunan dalam sektor berkenaan dikenal pasti sebagai satu keutamaan tertinggi.

Masyarakat perniagaan bukan saja sudah menunjukkan minat kepada MSC, malah melabur dari segi masa dan kewangan untuk menjayakan projek

koridor itu.

“MSC kini tidak saja menyaksikan pembinaan kemudahan bagi syarikat tempatan, tetapi juga firma asing dan ini membuktikan minat mereka yang tinggi kepada projek itu,” katanya.

Syarikat yang beroperasi dalam MSC dijangka melabur kira-kira RM20 bilion dalam tempoh lima tahun akan datang dan membuka peluang pekerjaan kepada 35,000 orang.

Kerajaan setakat ini melabur RM14 bilion untuk membangunkan MSC. Sehingga Oktober lalu, 37 syarikat bertaraf dunia diberi status MSC untuk beroperasi di sini. Kerajaan menjangka 50 syarikat bertaraf dunia beroperasi di situ menjelang 2003.

Dr Mahathir juga meminta supaya diwujudkan hubungan kerja yang lebih erat antara MMU dan pihak industri.

“Pihak industri kini memerlukan lebih banyak pekerja mahir dan MMU boleh memenuhi keperluan itu dengan membekalkan tenaga manusia

kepada syarikat berkenaan,” katanya.

MMU hendaklah menyesuaikan dirinya untuk memenuhi keperluan itu dengan melahirkan lebih

banyak pekerja berkualiti kerana ini bukan saja akan meningkatkan kedudukan industri, malah negara keseluruhannya.

“Kita harap syarikat ini

hanya akan berminat untuk mengambil pelajar dari universiti ini, dan tidak tenaga pengajarnya dengan menawarkan gaji yang lumayan,” katanya.

Beliau gembira melihat kemajuan AIC yang mulla hanya pembuat peralatan tulen untuk Proton, kini menjadi syarikat multimedia utama di negara ini.